

23 AUG 1999
Zahid-Melayu
ORANG MELAYU PERLU BERSATU

KUALA TERENGGANU, 23 Ogos (Bernama) -- Bekas Ketua Pergerakan Pemuda Umno Datuk Ahmad Zahid Hamidi menasihatkan semua orang Melayu supaya bersatu dan mengukuhkan barisan bukannya berpecah-belah.

Beliau berkata sejarah membuktikan apabila bangsa itu bersatu dan kukuh ia dapat mengatasi musuh-musuhnya tetapi sekiranya berpecah-belah wujud ruang-ruang yang membolehkan musuh memasuki dan membuat kacau.

"Oleh itu, orang Melayu perlu menggunakan kebijaksanaannya untuk menghargai perjuangan pemimpin-pemimpin yang terdahulu dan bukan bersikap suka hati sahaja memilih kerajaan kerana memilih kerajaan bukannya seperti menukar baju atau berpindah rumah baru dan sebagainya," katanya dalam majlis pertemuan dengan wanita dan pemuda Umno kawasan Gelugur Kedai dekat sini, semalam.

Beliau selaku Ketua Umno Bahagian Bagan Datoh, Perak juga menjelaskan perjuangannya dalam Umno masih lagi utuh dan mempunyai iltizam yang tinggi untuk terus berjuang dengan parti itu.

"Saya ingin memberitahu, Ahmad Zahid tidak terbuka hati untuk menyertai Keadilan atau PAS tetapi terus berjuang untuk Umno," katanya.

Pada majlis itu juga, beliau yang dikatakan mempunyai hubungan rapat dengan bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim memberitahu hubungannya sebagai kawan tetap dihormati.

"Tetapi dalam menentukan perjuangan parti perlu ada satu garisan pemisah iaitu jika kawan itu mempunyai pemikiran dan perjuangan yang bertentangan dengan perjuangan parti kita terpaksa tolak," katanya.

Menurutnya dalam parti yang penting bukannya individu tetapi semangat kepartian dan memastikan perjuangan yang telah ditentukan untuk agama, bangsa dan negara perlu diutamakan.

Beliau berkata sebagai orang Islam, yang percaya kepada "qada dan qadar" ia menerima apa yang telah ditentukan oleh Allah kepada mereka.

"Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menerima permohonan maaf semasa Perhimpunan Agung Umno pada Jun lepas dan permohonan itu adalah atas kerelaan saya sendiri bukannya dibayar atau disuruh oleh orang tertentu," katanya.

Beliau menegaskan dalam perjuangan bangsa Melayu, Umno adalah satu-satunya parti yang memperjuangkan nasib bangsa itu sejak dari dahulu lagi dan meminta supaya orang ramai membuat penilaian yang baik untuk memastikan keadaan huru-hara seperti yang berlaku di Indonesia tidak berlaku di negara ini.

Oleh itu, kita perlu menjaga pemerintahan yang ada sekarang agar dapat meneruskan kesinambungan pemerintahan yang berjaya di masa akan datang, katanya.

-- BERNAMA
SBS RI